LEE YOKE YAM

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SEREMBAN
AHMAD NASFY YASIN PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-44-2010]
28 FEBRUARI 2011

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Pecah amanah jenayah - Kanun Keseksaan, s. 409 - Rayuan atas sabitan dan hukuman - Sama ada perayu sebagai pengarah syarikat telah menyalahgunakan wang milikan syarikat - Kegagalan memanggil saksi material - Sama ada mewujudkan kelompongan dalam kes pihak pendakwaan - Sama ada kedua-dua elemen pengamanahan dan pelepasan tidak jujur dibuktikan - Sama ada anggapan di bawah s. 409B boleh digunapakai - Sama ada hakim Mahkamah Sesyen khilaf apabila memutuskan satu kes prima facie dibuktikan*

Ini adalah rayuan perayu ('OKT') terhadap sabitan dan hukuman yang dijatuhkan terhadapnya oleh Mahkamah Sesyen di bawah s. 409 Kanun Keseksaan. OKT, selaku pengarah kepada syarikat Billion Shopping Centre, Port Dickson ('Billion PD') telah dituduh melakukan pecah amanah jenayah atas wang tunai syarikat berjumlah RM400,000. Adalah kes pihak pendakwaan bahawa sekitar Januari 2006, OKT telah diserah dengan wang sebanyak RM400,000 atas permintaannya yang disaksikan oleh pengurus kanan Billion PD ('SP2') dan penolong ketua juruwang Billion PD ('SP4'). Kemudian, OKT terus beredar dari premis Billion PD bersama wang tersebut. Menurut keterangan SP2, wang yang diserahkan kepada OKT merupakan hasil kutipan jualan Billion PD bagi bulan November dan Disember 2005 yang dikumpul daripada satu kaunter tetapi tidak direkodkan. Untuk menafikan pertuduhan ini, OKT telah membangkitkan perkara-perkara berikut, iaitu, (i) bahawa pertuduhan adalah cacat apabila cara wang tersebut dilesapkan tidak dinyatakan bagi mematuhi s. 153 Kanun Tatacara Jenayah; (ii) kegagalan memanggil saksi Ang Keat Chun, iaitu pengarah urusan Billion PD yang memberi arahan kepada SP2 supaya mengumpul wang tersebut yang tidak direkodkan, telah menyebabkan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai dan; (iii) tiga orang pengarah syarikat utama telah melihat OKT menyerahkan wang tersebut kepada pengarah urusan syarikat utama ('SP1') di sebuah restoran. Dalam penghakimannya, hakim

A Mahkamah Sesyen mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya, antara lain, (i) membuktikan bahawa OKT diamanahkan dengan harta syarikat; (ii) membuktikan bahawa OKT dengan curangnya melakukan pecah amanah jenayah; dan (iii) mengaktifkan anggapan di bawah s. 409B Kanun Keseksaan. Isu yang
B dibangkitkan untuk pertimbangan di sini adalah sama ada satu kes *prima facie* telah dibuktikan untuk menujukkan bahawa OKT telah menyalahgunakan jumlah wang sebanyak RM400,000 milikan Billion PD.

C **Diputuskan (membenarkan rayuan; OKT dilepas dan dibebaskan):**

(1) Pada prinsipnya, terdapat beberapa cara bagaimana sesuatu kesalahan pecah amanah jenayah boleh dilakukan sepertimana diperuntukkan di bawah s. 405 Kanun Keseksaan. Di dalam
D kes ini, pihak pendakwaan hendaklah membuktikan tiga perkara, iaitu, (i) pengamanahan; (ii) pelepasan atau konversi; dan (iii) niat tidak jujur. (perenggan 27 & 31)

(2) Ang Keat Chun yang menyebabkan ketakteraturan kewangan
E dan mengarah SP2 mengumpulkan sejumlah wang yang tidak direkodkan itu adalah saksi material pihak pendakwaan untuk menjelaskan fakta ini. Kegagalan memanggilnya menyebabkan terdapat lompong di dalam kes pendakwaan dan anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah terpakai
F (*Kumaran Sappani v. PP*; dirujuk). (perenggan 34)

(3) Hakim Mahkamah Sesyen terlepas pandang bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk mengemukakan sebarang keterangan berkenaan apa yang berlaku kepada jumlah
G RM400,000 tersebut selepas OKT meninggalkan premis Billion PD. Apa yang dibuktikan hanyalah wang tersebut telah diserahkan kepada OKT dan dengan itu, telah melakukan pecah amanah jenayah. Hal keadaan ini adalah bertentangan dengan keputusan dalam kes *Azlan Alias v. PP* yang
H menyatakan bahawa "intisari" kepada suatu kesalahan pecah amanah jenayah adalah pengamanahan dan pelepasan yang tidak jujur. Ini bermakna, bukan pengamanahan sahaja yang perlu dibuktikan tetapi adalah juga penting untuk membuktikan pelepasan jenayah telah dilakukan. (perenggan 36)

I

(4) OKT telah dilepaskan daripada pengamanahannya apabila menyerahkan wang kepada SP1. Penyerahan wang tersebut telah disaksikan oleh tiga orang saksi lain di mana keterangan ini gagal dicabar oleh pihak pendakwaan. Justeru, mahkamah hendaklah bertanya sama ada keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah "such that, if unrebutted, it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge" (*Balachandran v. PP*; dirujuk). (perenggan 41)

(5) Seksyen 409B Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa apabila dibuktikan bahawa seseorang itu telah menyalahgunakan harta, maka hendaklah dianggap bahawa ia telah bertindak dengan curang sehingga sebaliknya dibuktikan. Adalah suatu fakta yang tidak dipertikaikan bahawa OTK telah menerima wang sejumlah RM400,000. Namun demikian, elemen bahawa OKT telah melepaskan wang tersebut telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Oleh itu, anggapan di bawah s. 409B Kanun Keseksaan tidak boleh diaktifkan di dalam kes ini. (perenggan 42)

(6) Hakim Mahkamah Sesyen telah khilaf apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* dan memanggil OKT membela diri. Oleh itu, keputusan atas sabitan dan hukuman diketepikan. (perenggan 43)

Kes-kes yang dirujuk:
Azlan Alias v. PP [2009] 1 LNS 534 CA ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Cheam Tat Peng v. PP [1996] 1 SLR 541 ***(dirujuk)***
Hj Maamor Hj Abdul Manap v. PP [2003] 1 CLJ 370 HC ***(dirujuk)***
Kumaran Sappani lwn. PP [2010] 2 CLJ 795 CA ***(dirujuk)***
Sathiadas v. PP [1970] 1 LNS 142 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Companies Act 1965, ss. 132(1), 133A
Criminal Procedure Code, s. 153
Evidence Act 1950, s. 114(g)
Penal Code, ss. 402A, 405, 409, 409B

Bagi pihak perayu - Wong Kian Kheong (Karen Lee Foong Voon bersamanya); T/n Wong Kian Kheong
Bagi pihak responden - Hanie Dzatul Akhmar Zulkefli; TPR

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

A

PENGHAKIMAN

Ahmad Nasfy Yasin PK:

Rayuan

B **[1]** Selepas perbicaraan penuh, perayu telah disabit salah oleh Mahkamah Sesyen, Seremban atas satu pertuduhan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan dan dihukum penjara selama empat tahun dari tarikh hukuman dan denda RM50,000, gagal bayar enam bulan penjara. Perayu tidak berpuashati dan telah menfailkan
C notis rayuan terhadap sabitan dan hukuman.

[2] Pertuduhan adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu di dalam bulan Januari 2006, di Billion Shopping Centre (Port Dickson) Sdn Bhd, Lot 28-41, Sebahagian Lot PT
D 72, Kawasan Penambahan Laut, Bandar Port Dickson, di dalam daerah Port Dickson, di dalam Negeri Sembilan sebagai seorang Pengarah Syarikat Billion Shopping Centre (Port Dickson) Sdn Bhd dan dalam kapasiti telah diamanahkan suatu harta iaitu wang tunai syarikat berjumlah RM400,000.00 telah melakukan pecah
E amanah jenayah dan adalah dengan ini telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan.

Fakta Kes Pihak Pendakwaan

F **[3]** OKT pada masa material adalah seorang pengarah kepada Billion Shopping Centre (Port Dickson) Sdn Bhd ("Billion PD").

[4] Pada sekitar Januari 2006, SP2, pengurus pasaraya menyatakan bahawa beliau telah dimaklumkan mengenai sejumlah
G RM400,000 yang merupakan hasil jualan yang dipungut dari sebuah kaunter tidak direkodkan. Sebelum itu SP2 mengesahkan bahawa beliau telah menerima panggilan telefon daripada Encik Ang Keat Choon yang merupakan Pengarah Urusan Billion PD untuk merekodkan dahulu pungutan hasil jualan dari salah satu
H kaunter bayaran di pasaraya tersebut.

[5] Sebagai mematuhi arahan tersebut wang hasil jualan bulan November dan Disember 2005 yang telah dipungut dan dikumpulkan bersama-sama dengan "cash roll" telah disimpan dalam peti besi di bilik juruwang.

I

[6] Hal ini turut disahkan oleh SP3 yang mana SP3 telah menyatakan bahawa beliau hanya mengikut arahan "boss" walaupun tahu perbuatan itu tidak mengikut "standard" biasa

syarikat. Menurut SP3 beliau ada mengira wang yang dikumpulkan tetapi telah tidak direkodkan dan rekod yang ada hanyalah pada "cash roll" dan borang kutipan tunai.

[7] Pada sekitar Januari 2006, OKT telah datang dengan seorang lagi pengarah Encik Lee Siew Hung. OKT telah memaklumkan kepada SP2 bahawa kedatangannya adalah untuk mengambil wang terkumpul yang tidak direkodkan sebanyak RM400,000.

[8] Wang tersebut kemudiannya telah diserahkan kepada OKT bersama-sama "cash roll" dengan disaksikan oleh SP2 dan SP4. Sebelum penyerahan wang dibuat wang terkumpul tersebut telah dikira semula dengan disaksikan oleh OKT dan SP4. Setelah itu wang tersebut dibalut dengan kertas suratkhabar dan dimasukkan ke dalam satu beg plastik. Kemudian OKT terus beredar bersama wang tersebut.

[9] Pada sekitar bulan Mac 2006, SP1 telah datang ke Billion PD untuk membuat pemeriksaan wang tunai dan mengambil gajinya. SP1 kemudiannya bertanya kepada SP2 mengenai wang RM400,000 tersebut.

[10] SP2 telah memberitahu SP1 bahawa wang tersebut telah diserah kepada OKT bersama "cash roll" sekali. SP1 mengesyaki suatu perbuatan salah telah berlaku lalu membuat keputusan untuk menyiasat dengan melantik Firma Earnst & Young untuk mengaudit akaun Billion PD. Kemudiannya pada 27 Julai 2006, SP1 membuat laporan polis (eks. P1).

[11] Siasatan kes dijalankan oleh SP7 dan hasil siasatan, OKT telah dituduh sepertimana pertuduhan.

Elemen-Elemen Pertuduhan

[12] Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana menyatakan dalam alasan penghakiman bahawa pihak pendakwaan perlu membuktikan elemen-elemen berikut:

(i) Bahawa OKT adalah seorang agen Syarikat Billion PD.

(ii) Bahawa OKT telah diamanahkan dengan suatu harta syarikat atau kuasa ke atas harta tersebut sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya.

A (iii) Bahawa OKT telah dengan curangnya melakukan pecah amanah jenayah terhadap harta tersebut sepertimana salah satu keadaan dalam s. 405 Kanun Keseksaan.

(iv) Sama ada dalam kes ini pihak pendakwaan telah berjaya
B mengaktifkan anggapan di bawah s. 409B Kanun Keseksaan.

Elemen Pertama

Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana mengatakan:

C Berdasarkan definasi "agent" di bawah s. 402A Kanun Keseksaan dan keterangan SP1, SP2, SP3, SP4 dan SP5 terdapat bukti yang mencukupi yang mengesahkan bahawa OKT adalah salah seorang Pengarah Syarikat Billion PD pada tarikh dan masa yang relevan di dalam kes ini.

D Selain dari keterangan lisan saksi-saksi, keterangan dokumentari seperti Borang 49 (eks. P8A dan P8B) yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan mengesahkan sekitar Januari 2006, OKT adalah salah seorang Pengarah Syarikat Billion PD, malah
E OKT juga adalah seorang bendahari syarikat dan bertanggungjawab dalam urusan kewangan syarikat.

Elemen Kedua

Hakim Mahkamah Sesyen mengatakan:

F Dalam kes ini harta milik syarikat dikatakan menjadi subjek perkara dalam pertuduhan adalah wang tunai RM400,000.

Menurut keterangan SP2 yang merupakan Pengurus Kanan Syarikat Billion PD dan juga Semenyih, wang yang telah
G diserahkan kepada OKT dan di terimanya adalah merupakan wang hasil kutipan jualan Pasaraya Billion PD bagi bulan November dan Disember 2005 yang dikumpul daripada satu kaunter yang telah ditentukan tetapi tidak direkodkan. Keterangan SP2 turut disahkan oleh SP3 (Ketua Juruwang
H Billion PD). SP4, penolong ketua juruwang pula menyatakan selepas wang dalam "bundle" itu dikira oleh OKT dengan menggunakan kulkulator dan setelah dibungkuskan OKT kemudiannya telah beredar dengan wang tersebut. Selaku hakim perbicaraan adalah jelas dan tidak dinafikan bahawa
I RM400,000 yang menjadi subjek perkara pertuduhan adalah milik Billion PD. Pihak pembelaan juga tidak menafikan fakta dan keterangan ini.

Dari keterangan saksi-saksi dan juga pembelaan yang dikemukakan oleh OKT sendiri didapati pihak pembelaan tidak pernah menafikan berhubung penyerahan dan penerimaan wang yang merupakan "harta" milik Billion PD.

Menurut keterangan, penyerahan wang tersebut bersama "cash roll" ataupun "paper roll" kepada OKT telah dibuat oleh SP3. Keterangan juga menunjukkan penyerahan tersebut turut disaksikan oleh SP2 dan SP4.

Keterangan di hadapan saya juga membuktikan bahawa OKT sendiri yang menghubungi SP2 dan memberitahu bahawa "boss" telah mengarahkan wang kutipan tersebut akan diambil olehnya untuk diserahkan kepada HQ Kajang.

Berdasarkan keterangan di atas, adalah selamat dan mencukupi bagi saya untuk membuat penemuan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan sewaktu menerima wang itu bersama-sama dengan ''paper roll" atau "cash roll", OKT telah menerimanya atas kepasitinya sebagai seorang pengarah dan bendahari syarikat. Maka penerimaan wang bersama-sama dengan "cash rolls" atau "paper rolls tersebut adalah sebagai satu amanah kepada syarikat.

Elemen Ketiga

Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana menyatakan:

Meneliti keterangan yang ada di hadapan saya siapakah identiti 'boss' yang dikatakan telah memberikan arahan kepada OKT untuk wang tersebut diserahkan kepada HQ Kajang telah tidak dimaklumkan kepada SP2, SP3 dan SP4. Maka pada peringkat ini hanya OKT sahaja yang tahu identiti 'boss'. Sama ada betul atau tidak wujud arahan sebegitu dan siapakah 'boss' tersebut telah tidak didedahkan oleh OKT dan juga pihak pembelaan.

Penelitian dan pertimbangan saya kepada keterangan saksi-saksi yang ada di hadapan saya mendapati kesemua SP2, SP3 dan SP4 menganggap dan memanggil kesemua pengarah syarikat sebagai 'boss' termasuklah OKT sendiri. Ini bermakna saksi-saksi tersebut yang merupakan peringkat pekerja sokongan adalah di bawah pengawasan OKT. Mereka jelas pihak yang tidak mempunyai kuasa dan otoriti yang berupaya untuk mempersoalkan tindakan OKT atau mana-mana pengarah lain kerana kesemua mereka termasuk OKT adalah 'boss' kepada mereka.

A Pada penilaian saya, tindakan OKT mengambil sendiri wang tersebut dari SP3 dengan disaksikan oleh SP2 jelas menunjukkan bahawa perbuatan OKT tersebut boleh menyebabkan Billion PD mengalami kehilangan tidak wajar 'wrongful loss' manakala OKT mendapat keuntungan tidak
B wajar 'wrongful gain' jika wang tersebut tidak diuruskan dengan betul, tidak beramanah dan diselewengkan.

Di dalam kes ini tiada apa-apa resolusi syarikat mengenai RM400,000 tersebut untuk diserahkan ke HQ Kajang. Apa
C yang dikatakan oleh OKT kepada SP2 bahawa wang tersebut telah diarahkan oleh 'boss' untuk diserahkan ke HQ Kajang adalah tidak benar sama sekali di mana siasatan yang dijalankan oleh SP7 mendapati dalam tempoh dan sekitar tahun berkenaan tiada sebarang kemasukan wang ke dalam akaun
D Billion HQ Kajang. Ianya jelas pada hemat saya hanya satu alasan yang direka bagi mengaburi SP2, SP3 dan SP4 mengenai niat jahatnya untuk menyelewengkan wang tersebut tambahan pula, versi OKT kemudiannya telah berubah di mana wang RM400,000 tersebut dikatakan telah dibawa ke sebuah
E restoran di Sungai Long yang kononnya atas arahan SP1 sedangkan SP1 menafikan sama sekali kewujudan perkara tersebut.

Elemen Keempat

F Atas alasan-alasan dan penemuan di atas, saya memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya mengaktifkan anggapan undang-undang sepertimana s. 409B Kanun Keseksaan. Dengan itu elemen ketiga dan keempat telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

G **[13]** Peguambela yang terpelajar telah membangkitkan perkara-perkara berikut:

(i) Pertuduhan adalah cacat apabila tidak ada menyatakan cara wang tersebut telah dilesapkan dan oleh itu tidak mematuhi
H s. 153 KPJ.

(ii) Kegagalan memanggil saksi Ang Keat Chun menyebabkan peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai. Jika saksi ini dipanggil ada kemungkinan saksi ini memihak
I kepada OKT kerana keterangan jelas beliau dikatakan adalah pengarah yang telah memberikan arahan kepada SP2 supaya mengumpul wang tersebut tetapi jangan direkodkan.

(iii) Percakapan beramaran OKT telah berjaya menimbulkan keraguan terhadap kes pihak pendakwaan.

(vi) Kegagalan mengemukakan surat yang disebutkan oleh SP3.

(v) OKT mendakwa tiga pengarah melihat beliau menyerahkan wang kepada SP1.

Hujahan Peguambela OKT

[14] Pihak pembelaan tidak mempertikaikan bahawa terdapatnya pengamanahan. Satu-satu isu di hadapan mahkamah adalah sama ada di peringkat kes pendakwaan telah dibuktikan satu kes *prima facie* bahawa OKT telah menyalahgunakan jumlah sebanyak RM400,000 milik Billion PD.

[15] Tiada pertikaian atas fakta bahawa OKT telah mengambil wang daripada outlet pasaraya syarikat di Port Dickson pada waktu siang 18 Januari 2006. Namun demikian, SP7 sewaktu pemeriksaan balas telah mengakui bahawa terdapat tiga orang saksi yang lain iaitu Chin Choon Min, Wong Chee Leong dan Lee Siew Hung (kesemuanya Pengarah Syarikat Utama) memberikan keterangan-keterangan yang bertentangan bahawa mereka telah melihat OKT menyerahkan wang kepada SP1, yang merupakan pengarah urusan kepada Syarikat Utama di restoran cina di Sungai Long pada pukul lapan malam 18 Januari 2006.

[16] Pihak pendakwaan bergantung kepada pendapat SP7, pegawai penyiasat, sebagai bukti kepada penyalahgunaan yang kononya dilakukan oleh OKT. Namun SP7 sendiri telah mengakui bahawa terdapat keterangan yang bertentangan. Oleh itu, terdapat keraguan terhadap keterangan SP7 dan manfaat kepada keraguan ini hendaklah diberikan kepada OKT.

[17] SP8, penyelia akaun kepada syarikat utama memberi keterangan bahawa jumlah RM400,000 tersebut tidak pernah didepositkan ke dalam akaun bank Syarikat Utama. Ini dengan sendirinya bukan satu keterangan yang menunjukkan bahawa OKT telah menyalahgunakan wang.

[18] Pihak pendakwaan bergantung kepada satu cebisan penolakkan untuk membuktikan bahawa OKT telah menyalahgunakan wang atas alasan berikut:

(i) OKT telah mengambil RM400,000 pada 18 Januari 2006;

(ii) Sejumlah RM400,000 tidak pernah didepositkan ke dalam akaun syarikat utama;

(iii) Oleh demikian, OKT telah menyalahgunakan wang.

[19] Terdapat kecacatan-kecacatan asas terhadap alasan-alasan di atas. Ini kerana SP2 dan SP3 yang telah melepaskan wang kepada OKT memberi keterangan bahawa OKT sepatutnya membawa balik wang ke ibu pejabat di Kajang. Menurut SP7, terdapat tiga orang pengarah syarikat utama yang memberi keterangan yang mereka melihat OKT menyerahkan wang kepada SP1 iaitu Pengarah Urusan Syarikat Utama di Restoran Cina Golf Club di Sungai Long pada lapan malam 18 Januari 2006.

[20] Keterangan ketiga-tiga pengarah ini tidak digunapakai sebagai faktor dalam proses penilaian logik oleh pihak pendakwaan. Jika diambilkira kesimpulannya kemungkinan berbeza seperti berikut:

(i) OKT telah mengambil wang RM400,000 pada 18 Januari 2006;

(ii) Pada pukul lapan malam hari yang sama, OKT telah menyerahkan wang tersebut kepada SP1;

(iii) Sejumlah wang tersebut tidak pernah didepositkan ke dalam akaun bank syarikat utama.

(iv) Oleh itu SP1 telah menyalahgunakan wang tersebut.

[21] Seksyen 409B Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa apabila dibuktikan seseorang itu telah menyalahgunakan harta, maka hendaklah dianggap bahawa ia telah bertindak dengan curang sehingga sebaliknya dibuktikan.

[22] Perkataan dalam s. 409 Kanun Keseksaan amat jelas bahawa anggapan hanya akan timbul apabila penyalahgunaan telah dibuktian sedangkan dalam kes ini penyalahgunaan tidak dibuktikan.

[23] Pihak pembelaan telah memasukkan penyataan beramaran OKT sebagai esk. D13 yang jelas menunjukkan bahawa OKT telah membawa wang tersebut dari Port Dickson kepada SP1 jam lapan malam 18 Januari 2006 di Restoran Cina Sungai Long dan SP1 mengambil milikan dan pegangan terhadap wang tersebut daripada OKT dengan disaksikan oleh tiga orang pengarah syarikat utama. Oleh itu keterangan ini boleh dipertimbangkan dan bergantung kepadanya.

[24] Pihak pembelaan telah memohon mahkamah menggunakan anggapan berbalik (adverse inference) terhadap pihak pendakwaan apabila gagal mengemukakan satu surat yang menyokong pembelaan. SP3 sewaktu pemeriksaan utama mengatakan:

> Berkaitan dengan Mr. Chin (SP1) saya terima surat mengatakan RM400.000.00 itu diterima oleh syarikat, ie, HQ. Surat itu dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah. Surat itu ditandatangani oleh sesiapa tidak tahu". (ms. 65 Rekod Rayuan)

[25] Surat ini adalah satu keterangan yang material. Ianya mengatakan bahawa wang telah diterima oleh syarikat utama. Perbicaraan telah ditangguhkan beberapa kali untuk membolehkan pihak pendakwaan mengemukakan surat tersebut tetapi akhirnya memilih untuk tidak mengemukakan surat. Oleh itu anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai.

[26] Pihak pendakwaan juga telah gagal memanggil sebagai saksi Ang Keat Chun, Pengarah Urusan Billion Port Dickson yang mengarahkan SP2 mengumpulkan sejumlah wang yang tidak direkodkan. Kegagalan ini menunjukkan bahawa pihak pendakwaan cuba menyembunyikan fakta dan jika dipanggil akan menjejaskan kes pendakwaan. Oleh itu anggapan di bawah s. 114(g) terpakai.

Keputusan Mahkamah

[27] Di peringkat perbicaraan rayuan ini perkara pertama yang akan diberi pertimbangan adalah sama ada dapatan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes *prima facie* adalah teratur berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan. Pada prinsipnya terdapat beberapa cara bagaimana sesuatu kesalahan pecah amanah jenayah boleh dilakukan sepertimana diperuntukkan di bawah s. 405 Kanun Keseksaan yang dibaca seperti berikut:

> Whoever, being in any manner entrusted with property, or with any dominion over property either solely or jointly with any other person dishonestly misappropriates, or converts to his own use, that property, or dishonestly uses or disposes of that property in violation of any direction of law prescribing the made in which such trust is to be discharged, or of any legal contract, express or implied, which he has made touching the discharge of such trust, or willfully suffers any other person so to do, commits criminal breach of trust.

[28] Bagi dua "limb" pertama seksyen ini menyentuh tentang penyalahgunaan dan konversi, manakah "limb" ketiga berkait pengunaan harta yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang atau kontrak. Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan menunjukkan bahawa sejumlah wang yang menjadi subjek perkara kesalahan sebagaimana pertuduhan adalah sebagai pecah amanah jenayah.

[29] Pada prinsipnya tugas seorang hakim perbicaraan di akhir kes pendakwaan dinyatakan oleh Augustine Paul JCA dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 seperti berikut:

> In order to make a finding either way the court must, at the close of the case for the prosecution undertake a positive evaluation if the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine **whether the elements of the offence have been established**. (tekanan ditambah).

[30] Elemen-elemen pecah amanah jenayah telah didefinasikan oleh Raja Azlan Shah J (pada ketika itu) dalam kes *Sathiadas v. PP* [1970] 1 LNS 142 dan telah diiktiraf oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Azlan Alias v. PP* [2009] 1 LNS 534 dengan mengatakan:

> In *Sathiadas v. PP* [1970] 1 LNS 142, Raja Azlan Shah J (now HRH the Sultan of Perak) aptly enunciated *inter alia*, that:
>
> (1) the gist of the offence of criminal breach of trust is entrustment and dishonest misappropriation;
>
> (2) the receipt of money for a particular purpose constitutes entrustment;
>
> (3) dishonest misappropriation involves wrongful gain to the appellant or wrongful loss to his employer for the period of the retention of the money. That must depend on the facts and circumstances of each case; and
>
> (4) criminal breach of trust is not an offence which counts as one of its factors, the loss that is the consequence of the act; it is the act itself, which in law, amount to an offence. The offence is complete when there is dishonest misappropriation.

[31] Secara ringkas, pihak pendakwaan hendaklah membuktikan tiga perkara iaitu:

(1) pengamanahan

(2) perlesapan atau konversi; dan

(3) niat tidak jujur.

[32] Mahkamah berpendapat, hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah khilaf apabila membuat rumusan dapatan fakta bahawa wang sebanyak RM400,000 telah diserahkan kepada OKT atas arahan OKT sendiri tanpa mempersoalkan apakah tujuan penyerahannya.

[33] Keterangan SP2, Pengurus Billion Port Dickson telah menerima arahan daripada pengarah urusannya, Ang Keat Chun supaya mengumpulkan wang tunai daripada satu mesin tunai syarikat dan tidak merekodnya yang jumlahnya lebih kurang RM400,000. Kemudian pada 18 Januari 2006, OKT dan seorang pengarah, Lee Siew Hung telah datang menemui SP2 dan memberitahu untuk mengambil wang yang tidak direkodkan sebanyak RM400,000 untuk dibawa balik ke ibu pejabat atas arahan 'boss'. 'Boss' yang dimaksudkan oleh OKT ialah pengarah urusan kepada kumpulan dan juga pengerusi dan pengarah Billion Port Dickson iaitu SP1. Fakta ini juga telah disokong oleh penyataan beramaran OKT (D13) yang menyatakan bahawa wang telah diambil untuk dibawa balik ke HQ Pasaraya Billion di Semenyih.

[34] Pada pendapat mahkamah, Ang Keat Chun, Pengarah Urusan Billion Port Dickson yang menyebabkan ketakteraturan kewangan yang mengarahkan SP2 mengumpulkan sejumlah wang yang tidak direkodkan adalah saksi material pihak pendakwaan bagi menjelaskan fakta ini. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan terdapat lompong di dalam kes pendakwaan dan anggapan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah terpakai (rujuk kes *Kumaran Sappani v. PP* [2010] 2 CLJ 795).

[35] SP1 mengakui bahawa beliau telah bermesyuarat dengan OKT dan pengarah-pengarah Billion Shopping Centre Sdn Bhd (syarikat induk) di Royal Selangor Club, Kuala Lumpur pada 16 Januari 2006. Dua hari kemudian iaitu pada 18 Januari 2006 OKT telah pergi ke Port Dickson untuk mengambil wang yang tidak direkodkan lebih kurang RM400,000. Menurut SP2, OKT memberitahunya bahawa OKT mengikut arahan 'boss' untuk membawa balik wang tersebut ke ibu pejabat walaupun dinafikan oleh SP1 namun adalah jelas dari keterangannya sendiri hanya beliau yang berada dalam kedudukan untuk memberi arahan-arahan sedemikian. Keterangan SP1 sewajarnya diteliti secara berhati-hati

A kerana semasa pemeriksaan balas beliau boleh mengingati perjumpaan di Royal Selangor Club, Kuala Lumpur dan Restoran Cina Kelab Golf Sungai Long tetapi tidak ingat apa yang dibincangkan.

B **[36]** Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah terlepas pandang bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk mengemukakan apa-apa keterangan tentang apa yang telah berlaku kepada jumlah RM400,000 tersebut selepas OKT meninggalkan premis Billion Port Dickson. Apa yang dibuktikan hanyalah wang C tersebut telah diserahkan kepada OKT dan dengan itu telah melakukan pecah amanah jenayah. Hal keadaan ini adalah bertentangan dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Azlan Alias* (*inter alia*) menyatakan bahawa "intisari" kepada suatu kesalahan pecah amanah jenayah adalah pengamanahan dan D pelesapan yang tidak jujur. Ini bermakna bukan pengamanahan sahaja perlu dibuktikan tetapi adalah sangat penting untuk membuktikan pelesapan jenayah telah dilakukan.

[37] Sama ada perbuatan OKT merupakan suatu perlanggaran E apa-apa undang-undang atau 'legal contract' mengenai penggunaan wang yang diamanahkan tersebut. Peruntukkan undang-undang yang relevan adalah s. 132(1) Akta Syarikat 1965 yang dibaca seperti berikut:

> A director shall at all times act honestly and use reasonable F diligence in the discharge of the duties of his office

Dalam kes *Cheam Tat Peng v. PP* [1996] 1 SLR 541 it was held that the word "mode" in the third limb in s. 405 connotes that there must be a degree of specificity in the direction of law in question. As Yong Rung How CJ added at p. 548: G

> It should not be construed so expansively as to extend to a general direction to 'act honestly'. On this analysis, there was clearly serious difficulty with Respondent's reliance on Section 157(1) CA (our Section 132(1) in the present case). This section H mirrors a director's general fiduciary duty at common law.

Augustine Paul J dalam kes *Hj Maamor Hj Abdul Manap v. PP* [2003] 1 CLJ 370 memutuskan:

> Section 132(1) cannot therefore be construed as a "direction of I law" for the purpose of the third limb of Section 405. With regard to the contractual obligation of the accused it is true

that there was no Board Resolution of KSB to authorise him to make the loans that he had made. In the absence of such a resolution the disbursement of the sums of money involved as loans by the accused may only amount to an offence under Section 133A of the Companies Act 1965.

[38] Oleh itu ketiadaan resolusi syarikat yang membenarkan perpindahan wang perkara subjek ke ibu pejabat hanyalah boleh dikaitkan dengan satu kesalahan di bawah s. 133A Akta Syarikat 1965.

[39] Penyataan beramaran OKT (D13) telah diterima masuk melalui SP7. OKT dalam D13 menyatakan seperti berikut:

(i) Selepas terima wang tersebut; "saya dan Lee Siew Hung bawa wang tersebut dengan menaiki kereta saya jenis BMW WMB 333 untuk dibawa balik ke HQ Pasaraya Billion Semenyih".

(ii) Dalam perjalanan saya telefon Chin Keat Seng (SP1) yang bekerja sebagai Managing Director di HQ Pasaraya Billion di Semenyih dan maklumkan yang saya telah ambil wang hasil RM380,000 dari Pasaraya Billion Port Dickson dan dalam perjalanan ke ibu pejabat Billion di Semenyih.

(iii) Chin Keat Seng arahkan saya supaya tidak hantar ke HQ dan kami diarahkan bawa duit tersebut dan berjumpa dengannya di Restoran Sungai Long, Cheras, Kuala Lumpur.

(iv) Pada malam tersebut lebih kurang jam lapan malam, apabila kami sampai di restoran tersebut, saya dapati ada tiga orang ahli pengarah Billion lain iaitu Chin Choo Min, Wong Chee Leong dan Chin Keat Seng telah tunggu saya dan Lee Siew Hung di dalam restoran tersebut.

(v) Chin Keat Seng kemudiannya beritahu kami bahawa dia telah lama tidak beri bonus pada kami semua.

(vi) Chin Keat Seng kemudian buka beg yang mengandungi RM380,000 dan kemudiannya kira wang tersebut, Chin Keat Seng kemudian bahagi-bahagi wang tersebut kepada kami.

Walaupun SP7 ada menyiasat kandungan D13 tetapi beliau telah memilih untuk mempercayai SP1 dan SP6 (isteri SP1) yang menafikan perjumpaan tersebut. Sewaktu pemeriksaan balas, SP6 mengatakan beliau ingat apa yang berlaku pada 18 Jun 2006 iaitu peristiwa yang berlaku empat tahun lepas. Walau bagaimanapun

beliau mengakui bahawa tarikh tersebut hanyalah hari yang biasa dan tiada apa-apa perkara istimewa contohnya seperti majlis harijadi. Beliau mengatakan pada malam itu ia menonton televisyen bersama SP1. Alasan beliau mengingati hari tersebut adalah kerana seorang pegawai polis telah menyoalnya dan tidak pernah menyoal tentang perkara lain. Namun demikian bila ditanya bilakah pegawai polis tersebut berjumpa dengannya, SP6 tidak mampu untuk mengingatinya semula. Persoalannya apakah tarikh yang lebih mudah bagi seorang suri rumah untuk mengingatinya adakah bila beliau disoalsiasat oleh polis atau satu malam biasa di rumah bersama keluarga? Dalam kes ini SP6 boleh mengingati suatu perkara biasa tetapi tidak boleh mengingati suatu perkara yang luar biasa. Justeru keterangan SP6 haruslah diterima secara berhati-hati dan membandingkannya dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan lain.

[40] Sewaktu pemeriksaan balas, peguamcara OKT telah mencadangkan kepada SP1 bahawa beliau bukan sahaja menerima wang daripada OKT semasa berada di Restoran Sungai Long pada jam lapan malam 18 Januari 2006 tetapi juga membuat tulisan di atas sekeping kertas berkenaan cara-cara pengiraan dan pengagihan wang tersebut kepada Pengarah-Pengarah Kumpulan Billion sebagai bonus. Dokumen yang ditandakan IDD6 diakui oleh SP1 berkemungkinan tulisan beliau. Pada mulanya beliau menafikan beliau menulis dokumen tetapi apabila didesak SP1 mengatakan tulisan di bahagian atas dan tengah mungkin adalah tulisannya. Angka yang tertulis di bahagian sudut kiri IDD6 berjumlah RM380,000 adalah konsisten dengan jumlah yang dinyatakan dalam penyata beramaran D13.

[41] Pada pendapat mahkamah, OKT telah dilepaskan daripada pengamanahannya apabila menyerahkan wang kepada SP1 di satu mesyuarat di Restoran Sungai Long di Cheras pada pukul lapan malam, 18 Januari 2006. Penyerahan wang tersebut telah disaksikan oleh tiga orang saksi lain di mana keterangan ini gagal dicabar oleh pihak pendakwaan. Justeru, mahkamah hendaklah bertanya sama ada keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah "such that, if unrebutted, it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge (per Augustine Paul JCA dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85.

Anggapan Di Bawah Seksyen 409B Kanun Keseksaan

[42] Seksyen 409B KK memperuntukkan bahawa apabila dibuktikan bahawa seseorang itu telah menyalahgunakan harta, maka hendaklah dianggap bahawa ia telah bertindak dengan curang sehingga sebaliknya dibuktikan.

Pada pendapat mahkamah, adalah suatu fakta yang tidak dipertikaikan bahawa OKT telah menerima sejumlah wang RM400,000. Namun demikian elemen bahawa OKT telah melesapkan wang tersebut telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Dengan demikian anggapan di bawah s. 409B Kanun Keseksaan tidak boleh diaktifkan dalam kes ini.

Kesimpulan

[43] Berdasarkan alasan-alasan di atas adalah diputuskan bahawa hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah khilaf apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* dan memanggil OKT membela diri dan dengan itu rayuan dibenarkan. Keputusan atas sabitan dan hukuman diketepikan dan OKT dilepas dan dibebaskan.